



PERUBAHAN SYARIKAT PENGURUSAN UNTUK DANA AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

Sila ambil maklum bahawa Maybank Asset Management akan bersara sebagai Syarikat Pengurus Dana berkuat kuasa 1 Julai 2024, PHB Asset Management Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Pengurusan Amanah Hartanah Berhad) ("PHBAM") akan dilantik sebagai Syarikat Pengurus Dana AHB yang baharu.

Jika anda memerlukan sebarang penerangan berkenaan perubahan ini, anda boleh menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank Asset Management di talian +603-2297 7888 sebelum 1 Julai 2024. Bermula 1 Julai 2024, anda boleh menghubungi Perkhidmatan Pelanggan PHBAM di talian +603-7734 0555 untuk sebarang perkara yang berkaitan dengan Dana AHB.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Soalan Lazim yang disediakan di bawah.

SOALAN LAZIM

PERSARAAN MAYBANK ASSET MANAGEMENT SDN BHD SEBAGAI SYARIKAT PENGURUSAN DANA AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA

1. Mengapa terdapat perubahan pada pengurusan syarikat dana untuk Amanah Hartanah Bumiputera ("AHB" atau "Dana")?

Selaras dengan aspirasi PHB untuk meningkatkan pemilikan dan penyertaan Bumiputera dalam hartanah komersial melalui penerbitan produk pelaburan inovatif, PHB mewujudkan cabang pengurusan dana milik penuh miliknya, PHB Asset Management Berhad ("PHBAM"), untuk mengurus dan memperluaskan Dana serta memberikan akses kepada pelabur sasaran Dana terutamanya pelabur Bumiputera yang kurang mendapat pendedahan berkenaan skim pelaburan AHB.

AHB, sebuah dana yang ditaja oleh Pelaburan Hartanah Berhad ("PHB"), telah ditubuhkan pada November 2010, mensasarkan pelabur Bumiputera dengan objektif menyediakan pemegang unit dengan aliran pendapatan yang tetap dan konsisten sambil memelihara modal pelaburan pemegang unit. Untuk mencapai objektif ini, Dana ini melabur terutamanya dalam pemilikan benefisial hartanah komersial di Malaysia, yang diperolehi daripada Penaja Dana atau ahli gabungannya.

Dengan ini, berkuat kuasa pada 1 Julai 2024, MAM akan bersara sebagai pengurus dana AHB. Manakala, PHBAM akan mengambil alih peranan sebagai pengurus dana yang baharu untuk mengurus dana AHB pada tarikh yang sama.

2. Adakah perubahan syarikat pengurusan Dana ini akan memberikan kesan terhadap prestasi Dana?

Perubahan ini tidak akan memberi kesan terhadap prestasi Dana dan PHB masih penaja kepada Dana ini.

Walaupun kadar pengagihan pendapatan tertakluk kepada perubahan pendapatan, kekerapan pengagihan pendapatan masih kekal berdasarkan setengah tahunan.

3. Adakah perubahan syarikat pengurusan Dana ini akan memberikan kesan kepada saya sebagai pemegang unit?

Sebagai pemegang unit, tidak akan ada kesan terhadap pegangan unit AHB anda, dan aktiviti transaksi harian akan berjalan tanpa gangguan.

4. Adakah terdapat sebarang perubahan kepada urus niaga AHB?

Pemegang unit Dana boleh terus mengurus niaga seperti biasa melalui pengedar sah masing-masing seperti Maybank, Ambank, Ambank Islamic dan Bank Islam.

Walau bagaimanapun, aplikasi mudah alih myAHB akan dihentikan berkuat kuasa pada 1 Julai 2024.

5. Siapakah syarikat pengurusan baharu yang dilantik untuk AHB?

Syarikat pengganti yang dilantik untuk AHB adalah PHB Asset Management Berhad (*sebelum ini dikenali sebagai Pengurusan Amanah Hartanah Berhad*) ("PHBAM"). PHBAM adalah anak syarikat milik penuh PHB yang akan berfungsi sebagai pengurusan berlesen bagi produk pelaburan. PHB sebagai penaja AHB, telah menubuhkan PHBAM sebagai inisiatif strategiknya untuk meningkatkan penyertaan dan pemilikan Bumiputera dalam hartanah komersial.

6. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk sebarang pertanyaan mengenai AHB?

Untuk sementara waktu sehingga 30 Jun 2024, anda masih boleh menghubungi Perkhidmatan Pelanggan MAM di talian +603-2297 7888.

Bermula 1 Julai 2024, sebarang pertanyaan sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan PHBAM di talian +603-7734 0555.

###